



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**  
Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan  
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2  
62652 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650  
Faks (Fax): 603-8880 5646  
Laman Web (Web): [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

## SIARAN MEDIA

### **ERAT RAMADAN 2025: MEMPERKUKUH INTEGRITI, MENYATU MASYARAKAT MELALUI AL-QURAN**

PUTRAJAYA, 11 Mac 2025 – Program ERAT Ramadan 2025 anjuran Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, hari ini dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat khususnya pegawai dan kakitangan penguat kuasa, Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO), Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO), pelajar IPTA, sekolah dan rakan media. Program dirasmikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut hadir YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof Ismail Ahli Pesuruhjaya EAIC serta Ketua-Ketua Jabatan Agensi Penguatkuasaan Seliaan EAIC.

ERAT Ramadan pada tahun ini menggabungkan aktiviti tanggungjawab sosial korporat gotong royong penyediaan dan edaran 3,000 bubur lambuk, selain daripada aktiviti ibadah, Pendidikan dan kesedaran seperti *EAICQuranHour* dan *Forum Al-Quran & Integriti*. Ketiga-tiga aktiviti tersebut telah dianjurkan dengan kerjasama 19 agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC<sup>1</sup>.

Menurut YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof Ismail, kerjasama dan kebersamaan tersebut adalah cerminan daripada komitmen EAIC dan agensi-agensi seliaannya dalam mengukuhkan integriti, bukan sahaja dalam konteks penguatkuasaan undang-undang

---

<sup>1</sup> Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

malahan dari segi pemantapan dan keseimbangan rohani, moral dan sosial yang selaras dengan ajaran agama Islam.

Melalui sesi tadarus dan tadabbur EAICQuranHour, yang membincangkan Surah As-Saff, serta forum "*Al-Quran: Menyemai Inspirasi, Memperkukuh Integriti*", ERAT Ramadan 2025 mengupas dan memupuk kesedaran kepada para pemimpin, penguat kuasa, dan masyarakat untuk mencontohi semangat Hawariyyun. Forum tersebut menyeru Al-Quran sebagai panduan utama dalam membina masyarakat yang berintegriti, beramanah, dan adil, di mana setiap tindakan dan keputusan diambil berdasarkan nilai-nilai yang terkandung dalam wahyu-Nya demi kesejahteraan bersama.

Panel jemputan istimewa, Dato' Haji Zamri Hashim, Timbalan Mufti Negeri Perak, dan Daie Izzhar Nazri telah berkongsi pandangan mengenai bagaimana nilai-nilai integriti yang diterapkan dalam Surah As-Saff dapat memperkukuh kepercayaan dalam masyarakat serta meningkatkan keberkesanan perkhidmatan awam.

Dengan semangat Ramadan dan nilai-nilai integriti yang diterapkan melalui Al-Quran, ERAT Ramadan 2025 telah berjaya menyatukan pemimpin, penguat kuasa dan masyarakat dalam usaha membina negara yang lebih beramanah dan berintegriti.

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)**

**Mengenai Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)**

EAIC adalah sebuah badan berkanun Persekutuan yang ditubuhkan melalui Akta Parlimen bertanggungjawab memantau dan menjalankan siasatan terhadap aduan orang ramai mengenai salah laku penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].